

# PM: Pengambilalihan MAS, Renong selamatkan pekerja

UM 24 JUL 2001

Oleh JOHARDY IBRAHIM  
dan ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 23 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata pengambilalihan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Kumpulan Renong Bhd. dibuat kerana kerajaan mengambil berat terhadap kebajikan kakitangan syarikat-syarikat berkenaan.

Beliau berkata, jika kerajaan tidak mengambil berat apa yang berlaku kepada mereka, pekerja itulah yang teraniaya dan bukannya 'tauke-taukenya'.

MAS dilaporkan mempunyai

22,000 pekerja manakala Renong pula mempunyai berpuluh ribu pekerja melalui kepentingan dalam 12 buah syarikat senaraian awam tidak termasuk syarikat tidak tersenarai.

## ● UEM, Renong dirombak jika tawaran diterima — Muka 21

Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa pengambilalihan MAS dan Renong, sebuah syarikat konglomerat tempatan, mempunyai kaitan dengan soal sogokan, politik wang atau ketidakcekapan pengurusan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata demikian semasa sidang Dewan Rakyat hari

ini, sebagai menjawab soalan tambahan Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) sama ada tindakan kerajaan mengambil alih Renong mempunyai kaitan dengan politik wang.

Kerajaan hari ini melalui Khazanah Nasional mengemukakan cadangan pengambilalihan semua kepentingan United Engineers (M) Bhd. (UEM) yang dijangka berakhir dengan penguasaan Renong selepas mengambil alih MAS yang mengalami kerugian pada akhir tahun lalu.

Beliau kesal kerana terdapat pihak yang terlalu terpengaruh dengan cara pemikiran Barat

yang membiarkan syarikat mereka yang lemah itu 'mati' walaupun ia akan menyebabkan ramai rakyat menghadapi masalah sosial akibat kehilangan pekerjaan.

Perdana Menteri berkata: "Pihak sebegini mendapat ilham dari Barat tetapi kerajaan bertanggungjawab kepada rakyat dan akan memberi pertolongan tanpa mengira siapa mereka.

"Ada sesetengah mereka ditu-duh sebagai orang pihak tertentu tetapi kerajaan juga menolong mereka tanpa mengambil

■ **Lihat muka 4**

## PM: Pengambilalihan MAS, Renong selamatkan pekerja

kira perkara-perkara lain".

Dr. Mahathir berkata, beliau yakin sekiranya General Motors menghadapi masalah mata wang dolar Amerika dengan nilainya jatuh separuh dari dahulu, mereka juga akan menghadapi masalah.

"Jadi tiada sesiapa boleh kata ia berlaku kerana pengurusannya tidak cekap," tambahnya.

Menjawab soalan tambahan, **Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun)** supaya kerajaan tidak lagi melaksanakan program *bailout* atau menyelamatkan syarikat besar pada masa depan, Dr. Mahathir berkata, Mustafa ti-

tidak memahami dengan apa yang dikatakan sebagai *bailout*.

Beliau berkata, "Dia (Mustafa) perlu belajar sebanyak mungkin dengan ketua dia yang lebih faham tentang ekonomi.

"Apa akan jadi kepada ekonomi negara kalau dibiarkan syarikat besar ini menjadi bankrap. Apakah difikirkan kesannya lebih baik jika daripada apa yang telah kita lakukan dan yang kita lakukan ini bukan untuk *'bailout kroni'*," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana kawasan bakal di Kelantan dan Terengganu diberikan kepada orang tertentu

supaya mereka kaya dan yang berlaku ini sebenarnya 'kerja tolong kroni'.

"Apakah mereka ini pemimpin yang adil dengan memberi balak kepada kawan-kawan dalam parti. Apakah pengusaha boleh dianggap jujur kerana mereka dapat kawasan ini disebabkan kroni mereka jadi kerajaan di kawasan tertentu.

"Jadi sebelum mereka membuat sesuatu patutlah mereka merenung sedikit mengenai apa yang dikatakan oleh Imam Al Ghazali iaitu sebelum menegur orang lain ada baiknya kita soal sama ada diri kita ini betul atau tidak.

"Kerana seperti yang disebutkan dalam al-Quran, kerap kali juga orang yang kita tegur itu lebih baik daripada kita," kata Perdana Menteri lagi.

Sementara itu, Dr. Mahathir juga berkata, pengambilalihan UEM itu juga melibatkan mengambil alih hutang selain daripada aset.

"Kalau kita mengambil alih, ia juga bermakna kita ambil alih aset dan hutang. Kita tidak boleh ambil aset tetapi tidak mengambil hutangnya," kata beliau selepas merasmikan majlis pelancaran kempen organisasi wanita membentasi keganasan di sini hari ini.